

Latihan Industri Semester 2 2011/2012

Artikel oleh: Ahmad Norazhar Md. Yatim

Pada semester 2 sesi 2011/2012 seramai 543 orang pelajar tahun akhir Sekolah Sains dan Teknologi telah menjalani Latihan Industri selama 10 minggu bermula 1 Jun 2012 hingga 11 Ogos 2012. Secara keseluruhannya seramai 514 pelajar menjalani latihan industri di dalam negara dan selebihnya 30 orang menjalani latihan industri di luar negara seperti Kinki University, Jepun, Gwangju Institute of Science Technology, Korea, Institut Teknologi Bandung, Indonesia, dan beberapa tempat lain seperti India, Taiwan, China dan juga Australia.

Seramai 30 orang pensyarah SST terlibat sebagai pegawai penilai yang ditugaskan untuk menilai prestasi pelajar semasa latihan industri dijalankan di tempat masing-masing. Pegawai Penilai membuat lawatan ke semua kawasan yang menempatkan pelajar-pelajar tersebut termasuk pelajar yang melakukan latihan industri di luar negara antaranya Dr Saafie Salleh yang telah membuat lawatan ke Gwangju Institute of Science Technology Korea. Secara keseluruhannya, kesemua penyelia berpuas hati dengan disiplin, kecekapan dan juga tanggungjawab pelajar semasa menjalani tempoh latihan.

Jumlah Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri Mengikut Negeri

NEGERI	BIL.PELAJAR
Negeri Sembilan	5
Labuan	6
Melaka	6
Kedah	8
Kelantan	9
Pahang	12
Perak	14
Johor	14
Terengganu	16
Kuala Lumpur	35
Pulau Pinang	40
Selangor	55
Sarawak	67
Sabah	227

Jumlah Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri di Luar Negara

NEGARA	BIL.PELAJAR
Jepun	14
Indonesia	6
Korea Selatan	5
Taiwan	2
China	2
Australia	1